

09/10/1998

MIC minta polis jalankan siasatan menyeluruh

KUALA LUMPUR, Khamis - MIC mahu polis melakukan siasatan rapi terhadap dua kejadian tembak-menembak menyebabkan 11 lelaki dan wanita India terbunuh, termasuk ketua Pemuda bahagiannya dan seorang wanita hamil.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata siasatan rapi perlu bagi mendapat gambaran sebenar tindakan polis dalam kes yang menimbulkan rasa sedih dan tidak puas hati di kalangan masyarakat India.

Menurutnya, beliau sudah membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat Kabinet semalam dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri memberi jaminan akan menelitinya dengan serius.

"Kita harap siasatan itu boleh memberi gambaran yang betul. Kematian seorang wanita mengandung lapan bulan akibat ditembak, satu perkara yang tragis kepada keturunan India.

"Penembakan enam orang di Kelantan tanpa apa-apa masalah mesti disiasat...kita mahukan justifikasi atas tindakan polis," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di sini, hari ini.

Jumaat lalu, tiga lelaki dan dua wanita yang disyaki menculik anak bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang menuntut wang tebusan RM6 juta, ditembak mati di sebuah rumah di Jalan 1/3, Taman Sungei Besi Indah, di sini.

Wanita hamil yang ditembak mati itu ialah N Selvamalar, 31. Turut ditembak mati dalam kejadian pada jam 8 malam itu ialah P Gunasegaran, 32, (suami Selvamalar); R Anbarasan, 39; M Jeganathan, 24; dan M Logeswary, 19.

Dua hari kemudian, polis menembak mati enam lelaki yang disyaki terbabit dalam rompakan bersenjata, menyeludup senjata api dan mengedar dadah di Km 25, Jalan Kota Bharu-Pangkalan Kubur, Tumpat, Kelantan.

Dalam kejadian berbalas tembak itu, polis turut merampas empat pucuk pistol.

Sumber MIC mendakwa, enam yang ditembak mati di Kelantan itu ialah Ketua Pemuda MIC Bahagian Tanah Merah, S P Ragendaran, 37; S Ravi, 33; S Ramachandran, 37; T P Subramaniam, 38; M Ganesan, 28; dan Shanmugam, 21. Ravi, Ramachandran dan Subramaniam adalah ahli MIC serta anggota Rela.

Mengulas kejadian di Sungai Besi, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, pihaknya tidak mendengar sebarang kenyataan bahawa polis ada meminta penculik terbabit menyerah diri.

"Saya tidak mengatakan lelaki terbabit orang baik, kita tahu mereka adalah penculik. Tetapi wanita yang tidak bersalah turut berada dalam rumah itu. Sekurang-kurangnya mereka diberi peluang keluar sebelum tindakan diambil," katanya.

Mengenai kejadian di Tumpat, Samy Vellu berkata, mangsa adalah pekerja ladang yang tidak ada sebarang rekod jenayah sebelum ini dan dikenali dengan dekat oleh MIC.

(END)